

25/03/1998

Majlis Air Negara selia bekalan

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Air Negara akan ditubuhkan bagi menyelia sumber air negara serta memastikan tiada negeri menghadapi krisis bekalan air.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata pihaknya sedang menyiapkan kertas kerja mengenai perkara itu dan akan membentangkannya kepada semua kerajaan negeri untuk persetujuan.

Beliau berkata, pada dasarnya majlis itu akan berfungsi sebagai badan pusat untuk berbincang dengan kerajaan negeri bagi mendapatkan bekalan air untuk negeri yang memerlukannya.

Menurutnya, beliau sudah berbincang mengenai perkara itu dengan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan akan menemui semua menteri besar dan ketua menteri tidak lama lagi.

"Majlis Air Negara bukan badan untuk mengawal bekalan air negeri. Kita tidak ada niat sedemikian. Kita tidak akan mengambil hak mana-mana negeri, sebaliknya kita akan membuat sesuatu yang boleh diterima semua pihak.

"Negeri yang mendapat bekalan air perlu membayar kepada negeri yang membekalkannya. Melalui cara itu tiada pihak yang akan hilang pendapatan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Pertandingan Johan Kemahiran Malaysia Kesembilan di sini, hari ini.

Beliau mengulas saranan beberapa pihak sebelum ini supaya dasar atau badan air kebangsaan diwujudkan bagi mengatasi masalah air yang dihadapi beberapa negeri, terutama ketika musim panas sekarang.

Kelmarin, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, ketika merasmikan sambutan Hari Air Sedunia berkata, masanya sudah tiba untuk negara mempunyai dasar air kebangsaan bagi menangani krisis air.

Samy Vellu berkata, langkah penubuhan Majlis Air Negara adalah susulan kepada cadangan penubuhan Lembaga Air Negara yang dikemukakan kementeriannya beberapa tahun lalu, tetapi ditolak kerajaan negeri.

Bagaimanapun, beliau enggan memberi butiran lanjut mengenai fungsi lain dan bidang kuasa majlis itu dengan alasan tidak mahu cadangan itu mendapat tentangan daripada kerajaan negeri.

Katanya, Kerajaan Pusat tidak ada kuasa untuk merancang soal bekalan air untuk kerajaan negeri.

"Negeri ada kuasa penuh untuk menjaga kepentingan bekalan air, mendapat sumber, membersihkan dan membekal air kepada penduduk," katanya.

Difahamkan beberapa negeri tidak mahu hak mereka ke atas sumber air dan soal pembekalan air kepada penduduk diambil alih oleh Kerajaan Pusat.

Beberapa pihak sebelum ini juga mempertikaikan langkah beberapa kerajaan negeri menswastakan kerja merawat dan membekal air yang dianggap sebagai tidak bijak dan menyebabkan pelbagai masalah sehingga membebankan pengguna.

Malah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pernah menasihatkan kerajaan negeri supaya membatalkan dulu rancangan penswastaan bekalan air negeri masing-masing, sehingga Majlis Air Negara ditubuhkan.

(END)